

28/11/2003

Yayasan jadi pusat maklumat bekas PM

PUTRAJAYA: Yayasan Kepimpinan Perdana akan menjadi pusat pengumpulan maklumat dan dokumen bersepadu membabitkan bekas Perdana Menteri Malaysia sepanjang pemerintahan mereka untuk dijadikan rujukan.

Ini kerana belum ada institusi yang betul-betul mendokumenkan dasar yang diperkenalkan oleh keempat-empat bekas Perdana Menteri secara bersepadu untuk dijadikan panduan pembangunan negara.

Pengerusi Lembaga Pemegang Amanahnya, Tan Sri Azizan Zainul Abidin, berkata usaha mendokumentasikan dokumen berkenaan penting untuk dijadikan pengajaran dan panduan pembangunan negara pada masa depan.

Dokumen berkaitan bekas Perdana Menteri - Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Tun Dr Mahathir Mohamad serta Kabinet masing-masing akan dikumpul untuk rujukan semua pihak.

"Ia akan memberi kesedaran terhadap proses pembangunan negara kepada rakyat dan menggunakannya sebagai platform untuk menghadapi cabaran masa depan.

"Ia bukannya satu lagi 'think tank' tetapi bagi menghargai jasa bekas Perdana Menteri," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Yayasan itu ditubuhkan pada Januari lalu dan didaftarkan mengikut Akta Syarikat. Kos pembinaan bangunannya di Presint 7 di sini membabitkan RM23 juta, disumbang 24 syarikat.

Sebahagian daripada bangunan yayasan itu, dijadikan pejabat Dr Mahathir dan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Azizan, yang juga Presiden Perbadanan Putrajaya menjelaskan banyak pihak keliru mengaitkan Dr Mahathir dengan yayasan berkenaan.

Beliau mengakui sebelum ini ada cadangan supaya yayasan itu dinamakan sempena nama Dr Mahathir tetapi bekas Perdana Menteri itu menolak.

"Bagaimanapun, kita mahu melihat Dr Mahathir bersara dengan penuh terhormat, jadi kita memintanya menduduki sebahagian daripada bangunan yayasan," katanya.

"Pejabat itu dibuat sebagai menghargai beliau yang sudah berkhidmat lebih 22 tahun," katanya sambil menegaskan yayasan tidak terbabit dengan sebarang program Dr Mahathir seperti mengambil bahagian di forum antarabangsa.

Pada masa ini, yayasan berkenaan mempunyai 24 ahli lembaga pemegang amanah. Mereka dilantik oleh syarikat masing-masing yang menyumbang kepada yayasan.

Oleh kerana lembaga pemegang amanah adalah kumpulan yang besar, tujuh orang daripada mereka dilantik sebagai exco bagi mengadakan perbincangan berkala berhubung perjalanan yayasan itu.

Tujuh exco yang dilantik ialah Azizan, Tan Sri Azman Hashim, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, Tan Sri Mohamed Basir Ahmad, Datuk Shahril Shamsuddin, Datuk Tan Tiong Hian dan Datuk Krishnan Tan Boon Seng.

Yayasan itu dijangka mempunyai 20 kakitangan diketuai ketua pegawai eksekutif bagi mengendalikan operasi, program dan komunikasi.